

## **SOALAN LAZIM PAS PERJALANAN TANPA HAD My30**

### **1) Apakah Pas My30 dan faedahnya?**

Pas My30 diperkenalkan untuk mengurangkan kesan COVID-19 dikalangan pelanggan kami dan menawarkan perjalanan tanpa had selama 30 hari di kesemua perkhidmatan bas Rapid Penang. Anda boleh melanggan pas ini pada bila-bila masa mulai 20 December 2020 sehingga 31 Disember 2021. Pas ini membolehkan anda menggunakan perkhidmatan Rapid Penang tanpa had pada setiap hari.

### **2) Apakah kriteria kelayakan bagi pemegang Pas My30?**

Anda haruslah merupakan warganegara Malaysia dan mempunyai MyKad atau MyTentera yang sah.

### **3) Di manakah lokasi untuk saya membeli dan memperbaharui Pas My30?**

Anda boleh melanggan di lapan (8) kiosk Rapid Penang seperti yang tertera di bawah:

- Ibu Pejabat Rapid Penang (Lorong Kulit)
- Terminal Bas Weld Quay (Terminal B)
- Terminal Bas Komtar
- Hab bas Bukit Jambul
- Terminal Bas Balik Pulau
- Terminal Bas Bukit Mertajam
- Hab bas Kompleks Dato' Kailan Kepala Batas
- Penang Sentral (Aras 1)

### **4) Bila saya boleh membeli Pas My30?**

Anda boleh membeli Pas My30 di kiosk Rapid Penang mulai 20 Disember 2020.

### **5) Bila boleh saya mula menggunakan Pas Mutiara?**

Anda boleh menggunakan Pas My30 mulai 1 Januari 2021 atau bila-bila masa selepas tarikh ini.

### **6) Adakah terdapat yuran langganan untuk Pas My30?**

Untuk permohonan kali pertama, anda akan dikenakan caj RM5.00 harga Pas Mutiara dan RM 5.00 bagi nilai dalam kad. Nilai RM30.00 sebulan akan dibayar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi pembaharuan langganan seterusnya, anda tidak akan dikenakan sebarang bayaran kerana RM30.00 akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

**7) Berapakah nilai minimum yang diperlukan untuk saya menggunakan Pas My30 di dalam bas?**

Anda perlu mengekalkan baki minimum pada setiap masa sebanyak RM5.00 di dalam pas untuk penggunaan perkhidmatan bas Rapid Penang. Sekiranya nilai dalam pas kurang dari RM5.00, anda perlu menambah nilai pas di mana-mana kiosk Rapid Penang sebelum menaiki bas.

**8) Berapakah tempoh sah Pas My30?**

Tempoh sah pas My30 adalah 30 hari berturut-turut (termasuk hujung minggu dan cuti am). Anda boleh memilih tarikh yang sesuai untuk pengaktifan pas. Tarikh pengaktifan pas My30 bergantung kepada sentuhan pertama pas anda di pintu masuk bas Rapid Penang.

**9) Bolehkah saya memperbaharui Pas My30 sebelum tarikh tamat tempoh 30 hari?**

Pas My30 boleh diperbaharui pada tujuh (7) hari sebelum tarikh tamat tempoh.

**10) Bolehkah saya menggunakan Pas My30 untuk perkhidmatan bas RapidKL, Rapid Kuantan, BRT, LRT, MRT dan *Park & Rides*?**

Pas My30 hanya boleh digunakan untuk perkhidmatan Rapid Penang sahaja dan tidak diterima pakai di semua perkhidmatan bas RapidKL, Rapid Kuantan, BRT, LRT, MRT dan *Park & Rides*

**11) Bolehkah Pas My30 dipindah milik kepada orang lain?**

Tidak, Pas My30 tidak boleh dipindah milik. Sekiranya anda didapati memindah milik Pas My30 anda kepada orang lain, pihak syarikat berhak untuk membatalkan dan menyenaraihitamkan Pas My30 anda.

**12) Bolehkah saya membeli Pas My30 di dalam bas Rapid Penang?**

Tidak. Anda hanya boleh membeli Pas My30 di kiosk Rapid Penang seperti yang disenaraikan sahaja.

**13) Bagaimanakah cara penggunaan Pas My30 di dalam bas?**

Semasa menaiki dan turun dari bas, anda perlu menyentuh Pas My30 di pengimbas kad (di pintu masuk) dan tunggu sehingga bunyi "Bip". Apabila anda ingin turun, anda perlu menyentuh semula Pas My30 di pengimbas kad (di pintu keluar) dan tunggu sehingga bunyi "Bip".

**14) Mengapa saya perlu menyentuh masuk dan menyentuh keluar Pas My30 semasa menggunakan perkhidmatan bas?**

Adalah penting bagi pengguna untuk memastikan menyentuh masuk dan menyentuh keluar Pas My30 tersebut berjaya (sehingga bunyi "Bip"), untuk mengelakkan dari dicaj sebanyak RM5.00 akibat transaksi tidak lengkap. Kegagalan menyentuh masuk dan menyentuh keluar, menyebabkan anda tidak dapat menaiki bas untuk perjalanan yang seterusnya sehingga anda menambahnilai Pas My30 tersebut.

**15) Bagaimana untuk saya tahu transaksi Pas My30 berjaya?**

Bunyi “Bip” akan kedengaran setiap kali pengguna menyentuh masuk dan menyentuh keluar Pas My30 di alat pengimbas kad.

**16) Bolehkah saya membeli Pas My30 secara dalam talian?**

Tidak, Pas My30 hanya boleh dibeli di kios Rapid Penang sahaja.

**17) Bolehkah saya menggunakan kad Touch N’ Go di dalam bas Rapid Penang?**

Tidak. Kad Touch N’ Go tidak boleh digunakan dalam bas Rapid Penang.

**18) Saya adalah seorang pelajar dan di bawah umur 12 tahun. Saya mempunyai kad pengenalan MyKid dan bagaimanakah cara-cara untuk melanggan pas My30?**

Bagi pelajar yang berumur di bawah 12 tahun, anda hendaklah membawa MyKid dan sekeping (1) gambar passport ketika melanggan pas My30 di mana-mana kios Rapid Penang.

**19) Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya Pas My30 hilang/ rosak?**

Anda perlu melaporkan kehilangan/ kerosakan kad anda di mana-mana kios Rapid Penang.

Sila ambil maklum bahawa bagi setiap kehilangan atau kerosakan kad (atas kecuaiian individu) akan dikenakan penalti sebanyak RM10.00, diberikan kad sementara sehingga tempoh pas My30 berakhir dan perlu memohon semula pas My30 dengan harga asal untuk 30 hari yang berikutnya mengikut terma dan syarat.

Manakala untuk kad yang tidak boleh dibaca, tiada caj dikenakan dan diberikan kad sementara sehingga tempoh pas My30 berakhir serta perlu memohon semula pas My30 dengan harga asal untuk 30 hari yang berikutnya mengikut terma dan syarat.

**20) Sekiranya saya pemegang Pas Mutiara My30, adakah saya layak untuk menerima pembiayaan My30 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan apa yang perlu saya lakukan untuk menikmati manfaat ini?**

Ya. Pemegang Pas Mutiara My30 sedia ada memang layak untuk menerima pembiayaan My30 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Anda hanya perlu mengunjungi mana-mana Kios Rapid Penang untuk pembaharuan Pas Mutiara My30 tanpa perlu membayar RM30 kos pembaharuan tersebut (terhad sehingga 10,000 kad sahaja).

**21) Sekiranya saya pemegang Pas Bulanan Rapid Emas atau Rapid Youth, adakah saya layak untuk menerima pembiayaan My30 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan apa yang perlu saya lakukan untuk menikmati manfaat ini?**

Ya. Pemegang Pas Bulanan Rapid Emas atau Rapid Youth yang sedia ada memang layak untuk menikmati pembiayaan My30 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi anda perlu menukar kepada Pas Mutiara My30. Anda hanya perlu mengunjungi mana-mana Kios Rapid Penang untuk pembelian Pas Mutiara My30. Untuk permohonan kali pertama, anda akan dikenakan caj RM5.00 harga Pas Mutiara dan RM 5.00 bagi nilai dalam kad. Nilai RM30.00 sebulan akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sila bawakan bersama Mykad atau MyTentera anda untuk memohon.

Untuk sebarang maklumat lanjut dan perkongsian maklum balas mengenai Pas My30, sila layari [www.rapidpg.com.my](http://www.rapidpg.com.my), talian hotline kami di 04-255 8000 (6.30 pagi – 10.30 malam, Isnin hingga Jumaat dan 7.30 pagi hingga 9.30 malam, Sabtu dan Ahad) dan saluran media sosial kami ([www.facebook.com/rapidpgfans](https://www.facebook.com/rapidpgfans), [www.twitter.com/rapidpg](https://www.twitter.com/rapidpg) dan [www.instagram.com/myrapidpg](https://www.instagram.com/myrapidpg)) atau emel kepada [rapidcare@prasarana.com.my](mailto:rapidcare@prasarana.com.my)